

## PENGENALAN


Majlis Optik Malaysia (MOC) bertanggungjawab mendaftarkan optometris dan juruoptik, memantau perkhidmatan dan amalan optometri dan juga membuat penilaian serta pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia. Sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MOC turut memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi dan dijadikan sebagai norma baru di setiap premis optikal. Garis panduan bagi amalan optometri di premis optikal telah dibangunkan dan sentiasa dikemaskini mengikut keperluan semasa.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### SEKTOR PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC) PENGAMAL OPTOMETRI


Jawatankuasa Penilaian MOC bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan perakuan pengamalan. Sebanyak empat (4) kali mesyuarat diadakan yang melibatkan penilaian permohonan pendaftaran baru pengamal optometri. Rajah 1 menunjukkan bilangan pengamal optometri yang didaftarkan dengan MOC bagi tahun 2020. Rajah 2 menunjukkan statistik pembaharuan APC bagi tahun 2016 hingga 2020. Sektor ini juga memulakan inisiatif baru dengan menganjurkan Hari Bersama Pelanggan bagi pengamal memperbaharui APC dan mengeluarkan Sijil APC pada hari yang sama. Namun ia hanya berjaya dilaksanakan sekali sahaja pada bulan Mac sebelum PKP dilaksanakan di seluruh negara hingga kini.

**Rajah 1**  
**Jumlah Pengamal Optometri Berdaftar**  
**Bagi Tahun 2020**



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2020, Unit Pendaftaran MOC

**Rajah 2**  
**Statistik Pembaharuan APC**  
**Mengikut Tahun (2016 – 2020)**



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2020, Unit APC MOC

### SEKTOR PENGIKTIRAFAN DAN PENTADBIRAN

Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan (JTC) MOC telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020. Satu sesi lawatan penilaian akreditasi penuh dan satu sesi lawatan penilaian pemantauan akreditasi penuh program telah diadakan sepanjang tahun 2020. Kedua-duanya melibatkan program yang ditawarkan di BMIC dan Vision College. Sektor ini juga sedang giat menghantar permohonan kepada MQA untuk pelaksanaan "Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award" [APEL(C)]. Antara aktiviti yang dijalankan adalah lawatan audit "Portfolio for Recognition of Prior Learning", seminar APEL(C) serta mengadakan "Challenge test" untuk Penilaian APEL(C).

### SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab ke atas pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri, pewartaan pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994. Gubalan Rang Undang-undang Optometri yang akan menggantikan Akta Optik 1991, masih di peringkat semakan oleh Cawangan Perundangan Perubatan. Risk Impact Statement (RIS)

untuk Risk Impact Analysis (RIA) telah dihantar ke Malaysian Productivity Corporation (MPC) pada 15 September 2020 dan masih menunggu maklumbalas dari MPC.

Selain itu, sektor ini bertanggungjawab mengendalikan aduan yang diterima berkaitan pengamal optometri. Sebanyak 37 kes aduan yang diterima sepanjang tahun 2020. Antara kes aduan yang tertinggi adalah berkaitan ketiadaan pengamal berdaftar di premis optikal (14 kes) dan pra-aduan (13 kes-kes yang dirujuk kepada agensi berkaitan). Sebanyak 16 kes yang diadu telah dapat diselesaikan.

Audit Surveilans Optik juga buat pertama kalinya diadakan pada bulan September 2020 melibatkan premis-premis optikal di sekitar Putrajaya. Sebanyak 19 premis optikal yang terlibat dan 7 surat amaran telah dikeluarkan ke atas pengamal yang tidak mempunyai APC tahun semasa. Selain itu, pemantauan terhadap pematuan SOP yang dikeluarkan oleh MKN di premis-premis optikal juga turut dijalankan. Maklumbalas bagi kesemua surat amaran yang dikeluarkan serta langkah pembetulan telah diterima dalam tempoh sebulan selepas audit dijalankan.

## **SEKTOR KOMPETENSI**

Peperiksaan Kanta Lepak (Teori) bagi Juruoptik Berdaftar di bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991 telah dijalankan pada 12 Oktober 2020 di Universiti SEGi, Kota Damansara. Seramai 21 orang juruoptik berdaftar menduduki peperiksaan. Calon yang lulus peperiksaan teori, layak untuk menduduki peperiksaan amali kanta lekap yang akan diadakan pada tahun 2021. Setiap calon dan pihak urusetia yang terlibat telah mengamalkan langkah keselamatan sebagai mematuhi SOP Covid-19 yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan.

Semua pengamal optometri disarankan untuk berdaftar dalam sistem myCPD. Setakat tahun 2020 ini, sebanyak 26.5 peratus (%) daripada jumlah pengamal optometri telah berdaftar yang mewakili seramai 1198 orang optometris dan 348 orang juruoptik. Pihak MOC telah menerima sebanyak 108 permohonan mata CPD daripada penganjur program iaitu 18 permohonan secara manual dan 90 permohonan melalui sistem myCPD. Kebanyakan penganjuran program bagi CPD tahun ini adalah secara *online*. Ini adalah seiring dengan pematuan SOP pandemik Covid-19.

## **OBJEKTIF KUALITI**

Dua (2) objektif kualiti yang telah ditetapkan telah tercapai bagi tahun 2020 iaitu :

1. 98 peratus (%) APC dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap – pencapaian 98.1 peratus (%).
2. 90 peratus (%) surat menyurat berkaitan akreditasi program yang tidak melibatkan pihak ketiga dikeluarkan kepada MQA dalam masa dua (2) minggu selepas Mesyuarat JTC – pencapaian 74 peratus (%). Ini adalah kerana pegawai yang bertanggungjawab cuti sakit selama dua (2) minggu.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, terdapat beberapa perancangan aktiviti MOC bagi tahun 2020 tidak tercapai dan ditangguhkan bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan sepanjang PKP dilaksanakan.

## **PENYELARAS & PENYUMBANG**

**PENYELARAS**

1. Puan Ilyana Binti Rosli

**PENYUMBANG**

1. Puan Juhaida Binti Zahri
2. Puan Sulastrey Binti Mohamed
3. Puan Najihah Binti Muhamad Sharif
4. Puan Julierozaida Binti Jamaludin